AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : COVID-19

Telan 20 biji pil saban hari

Ibu tiga anak bekas pesakit Covid-19 kini menghidap penyakit radang paru-paru

Oleh Murnaena Muhammad Nasir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

WAN E'reen bersama tiga anaknya. Gambar kecil, beliau ketika dirawat di hospital.

Bertarung 10 hari melawan virus Covid-19 bukan waktu singkat buat Wan E'reen Wan Hasan apatah lagi hampir setiap hari melihat sendiri kematian pesakit lain di depan matanya ketika berada di wad kritikal.

Bagi ibu tiga anak ini, menyaksikan sendiri mayat pesakit Covid-19 diusung dengan dibaluti beg mayat berwarna hijau membuatkannya tidak mampu tidur setiap kali malam.

Baginya, dalam tempoh rawatan itu, ketiga-tiga puteranya yang masing-masing berusia satu, empat, dan 10 antara yang menjadi kekuatan dan semangatnya untuk terus melawan virus pembunuh itu.

"Saya lawan juga sakit itu dengan memperbanyakkan zikir dan tawakal ketika tempoh dalam itu (wad kritikal) kerana memikirkan anak-anak di rumah.

"Ketika jalani rawatan di wad kritikal empat hingga lima kali kena ambil darah dekat nadi. Doktor beritahu saya sudah berada dalam senarai pesakit yang akan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) jika oksigen tidak dapat lagi membantu.

"Ketika mendengar keputusan itu, saya hanya memikirkan nasib anak-anak, bagaimana kalau tidak sempat jumpa dan kucup mereka," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bercerita lanjut, antara simptom awal Covid-19 yang dihadapinya termasuk demam, sakit dada, batuk, tekak kering dan sakit belakang badan.

Katanya, keadaan kesihatan yang merosot sejak mendapat simptom awal pada 24 Disember tahun lalu menyebabkan dia mengambil keputusan untuk menjalani ujian *Rapid Test Kit* atau RTK bagi mengesan Covid-19.

"Kebetulan cuti kerja pada 30 Disember itu dan saya mendapatkan RTK di institusi swasta dan keputusannya adalah positif.

"Ketika itu sudah mula sesak nafas dan suami terus hubungi 999 keesokan harinya supaya saya dapat jalani rawatan lebih cepat.

"Masa dalam ambulans doktor yang bertugas tepuk dada sebab saya menggelupur tidak boleh bernafas seperti lemas," kongsinya.

Wan E'reen berkata, pelbagai situasi yang meruntun emosi dialaminya ketika berada lima hari di wad kritikal sebelum dipindah ke wad biasa.

"Sebelah katil, wanita warga emas yang strok di mana makan dan minum melalui *feeding tube*. Jururawat yang membantu membancuh susu dan apabila dia sesak nafas apa yang dia hanya mampu buat adalah menguis-nguis kakinya pada tilam.

"Begitu betapa seksanya apabila pernafasan jadi sempit. Bukan itu saja, di ruangan berbeza, hari keempat di wad kritikal saya terdengar seorang lelaki terjerit-jerit cakap sesak nafas.

"Lelaki itu juga mahu membunuh diri dan mengugut jika tidak dibenarkan pulang, dia mahu membuat laporan polis. Jururawat dan doktor di situ yang membantu supaya dia tenang," katanya.

Wan E'reen yang berusia 30-an bekerja di sektor swasta dan dibenarkan keluar hospital selepas disahkan bebas dari wabak Covid-19 itu pada 10 Januari lalu.

Walaupun begitu, kesan sampingan daripada jangkitan virus berkenaan menyebabkan Wan E'reen menghidap radang paru-paru (pneumonia).

"Rasa mengalah pada awalnya sebab setiap hari terpaksa telan 20 biji ubat dan perlu melakukan sendiri suntikan pencair darah.

"Keadaan diri tidak sama seperti dulu dan jangka masa untuk pulih mengambil masa lima bulan berdasarkan pengalaman doktor dan mungkin lebih," katanya yang akan menjalani rawatan lanjut di Institut Perubatan Respiratori (IPR).

Menurutnya, sepanjang menjalani rawatan di Hospital Sungai Buloh itu, suami antara menjadi tulang belakang dalam menguruskan anak-anak di rumah.

"Insya-Allah dalam masa sebulan lagi boleh melayani anak-anak seperti biasa, buat masa sekarang masih tidak boleh buat kerja berat.

"Anak-anak juga memahami dan seolah-olah sudah faham ibunya sakit dan berdikari baik yang kecil mahupun yang besar," katanya.

Katanya, dia berharap orang ramai sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan terutama pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.

"Katil di sana tidak pernah kosong sentiasa dipenuhi pesakit bayangkan ada 28 katil, tetapi yang menjaga kami hanya dua jururawat.

"Pelbagai tugas mereka lakukan bagi *drip* (titisan intravena), mencuci najis, kutip sampah dan memantau pesakit.

"Tolong jangan ambil mudah dengan wabak Covid-19 kerana petugas kesihatan ini sudah penat dan banyak berkorban untuk kita sejak awal lagi," katanya.